

**GARIS PANDUAN AKSES MASUK DAN PARKIR
FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN &
KOLEJ TAN SRI MUSTAFFA BABJEE
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

1. Pintu 21 (Hadapan FPSK) akan beroperasi bermula jam 6.30 pagi hingga jam 7.00 malam (Isnin - Jumaat) dan ditutup pada cuti hujung minggu (Sabtu & Ahad) serta cuti umum.
2. Pintu 22 (Belakang FPSK/ Laluan FPSK-HPUPM) akan dibuka dan beroperasi bermula jam 6.30 pagi hingga 12.00 tengah malam setiap hari.
3. Palang/ barrier gate Fakulti Perubatan Sains Kesihatan (FPSK) dan Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee (KMB) melalui Pintu 21 (Hadapan FPSK) & Pintu 22 (Belakang FPSK) akan beroperasi sepenuhnya menggunakan kad staf/ kad akses khas bermula **16 Januari 2023 (Isnin)**.
4. Hanya staf/ pengguna yang mempunyai kad staf atau kad akses khas sahaja yang dibenarkan memasuki kawasan Parkir Fakulti/ KMB dan Pusat Pengimejan Diagnostik Nuklear (PPDN). Sehubungan itu, semua staf/ pengguna termasuk pemandu kenderaan rasmi FPSK/ KMB dan PPDN diingatkan membawa dan menggunakan kad staf/kad akses untuk masuk melalui palang/ barrier gate Fakulti. **Anggota Bahagian Keselamatan tidak akan membuka palang/ barrier gate untuk tuan/ puan walaupun mempunyai pelekat khas Pegawai UPM.**
5. Semua pelawat dan pengguna yang tidak mempunyai kad staf/ kad akses khas hanya dibenarkan parkir di Medan Parkir Pelawat berdekatan Pintu 21.
6. Ibu bapa/ Pesakit/ Pelanggan/Pemandu e-hailing FPSK, KMB dan PPDN yang mempunyai janji temu serta Vendor, Pembekal/ Kontraktor/ Perkhidmatan Pos, Kurier, Penghantaran Barang/Makanan hendaklah masuk melalui Pintu 21 dan mendaftarkan diri dengan menunjukkan Slip/Surat/ Buku Janji Temu/ Purchase Order/ Delivery Order kepada Anggota Keselamatan bertugas untuk dibenarkan masuk melalui palang/ barrier gate Fakulti dan parkir di kawasan yang dikhususkan.
7. Semua pengguna yang berkeperluan mendaftarkan diri memasuki kawasan FPSK/ KMB dan PPDN **WAJIB** meninggalkan satu (1) dokumen rasmi

pengenalan diri sebelum diberi kad akses kebenaran masuk oleh anggota keselamatan bertugas di Pintu 21 (Hadapan FPSK).

8. Semua pengguna yang telah mendaftarkan diri memasuki kawasan FPSK/ KMB dan PPDN **WAJIB** keluar menggunakan Pintu 21 (Hadapan FPSK) serta mengembalikan kas akses masuk yang telah diberikan kepada anggota keselamatan bertugas.
9. Permohonan dan maklumat penganjuran program rasmi dalam kawasan FPSK/ KMB dan PPDN perlu dimaklumkan kepada Pengarah Keselamatan bagi membolehkan penyelarasan daftar masuk dan pengaktifan palang dilakukan mengikut kesesuaian dan kapasiti program.
10. Permohonan untuk Pintu 21 beroperasi pada cuti hujung minggu atau cuti umum bagi program/ aktiviti tertentu hendaklah dibuat kepada Pengarah Keselamatan Universiti melalui Timbalan Pendaftar FPSK atau Pengetua Kolej KMB.
11. Semua staf/ pelajar/ pengguna diingatkan untuk meletakkan kenderaan di tempat atau petak yang betul serta tidak mengganggu lalu lintas serta menghalang laluan keluar masuk kenderaan lain. Kecuaian tuan/ puan mematuhi arahan yang ditetapkan akan menyebabkan kenderaan tuan/ puan dikunci tayar (*clamp*) dan dikenakan denda oleh Bahagian Keselamatan berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa di UPM.

Sekian. Terima kasih.

PENGARAH KESELAMATAN
BAHAGIAN KESELAMATAN
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA